

# Perkasa peranan agensi pertanian demi kelangsungan hidup rakyat

- Masalah keterjaminan bekalan makanan dihadapi negara disebabkan beberapa perkara seperti kadar sara diri pertanian masih rendah menyebabkan bekalan pertanian tak mencukupi dan permintaan tinggi tidak dapat dipenuhi

- Agensi komoditi pertanian perlu menjadi penggalak pembangunan ekonomi, industri pertanian yang memberi kesan kepada perdagangan global, menyokong penciptaan pekerjaan serta merencanakan pertumbuhan ekonomi



Pensyarah Jabatan  
Perniagaantani dan  
Ekonomi Biosumber,  
Fakulti Pertanian, UPM

Oleh Prof Dr Norsida Man  
bhrencana@bh.com.my

**Sesebuah** negara dan komuniti terdedah kepada risiko kemiskinan, kegawatan ekonomi, konflik politik dan perubahan cuaca ekstrem, sekali gus menuntut satu pendekatan atau strategi lestari untuk memastikan mereka lebih ampuh dan tahan kepada perubahan masa kini atau akan datang.

Masalah sering dihadapi komuniti hari ini adalah kemiskinan dan pendapatan rendah. Ia bukan sahaja berlaku kepada komuniti luar bandar atau desa, tetapi juga di bandar. Isi rumah mempunyai pendapatan rendah disebabkan peningkatan kos

sara hidup yang tinggi.

Harga barangan makanan sering meningkat menyebabkan mereka menghadapi masalah keterjaminan bekalan makanan isi rumah. Dalam hal ini, sektor komoditi pertanian sepatutnya dapat membantu mengatasi masalah yang timbul. Bagaimanapun, kejayaan sektor ini memerlukan strategi mantap dan usaha berpanjangan semua pihak.

Kelangsungan hidup komuniti atau rakyat di mana mereka berada sekali pun, soal keterjaminan bekalan makanan adalah perkara utama perlu diambil kira. Masalah keterjaminan bekalan makanan dihadapi pada peringkat negara disebabkan beberapa perkara seperti kadar sara diri pertanian masih rendah, menyebabkan bekalan pertanian tidak mencukupi dan permintaan tinggi tidak dapat dipenuhi.

Kedua, kitaran ekonomi kurang memberangsangkan mengurangkan peluang pembelian dan penggunaan. Ketiga, perubahan cuaca, musim dan iklim mengganggu kadar pengeluaran dan bekalan pertanian.

Faktor keempat pula adalah ketidakpastian kadar inflasi, perubahan nilai faedah dan kadar tukaran dolar Amerika Syarikat (AS) menyebabkan gangguan import dan eksport serta dasar dan geopolitik tidak stabil sehingga mengganggu pengeluaran dan perdagangan pertanian.

Pada peringkat isi rumah pula, beberapa faktor seperti pendapatan isi rumah rendah dan kemiskinan menyebabkan ketidakmampuan komuniti, khususnya ketua keluarga untuk membeli makanan, ketidakupayaan mengakses makanan disebabkan faktor logistik.

Lokasi kawasan kediaman tidak strategik dan tiada produk pertanian untuk dicapai serta dimiliki turut mempengaruhi kelangsungan keterjaminan makanan komuniti.

Maka, agensi komoditi pertanian perlu memainkan

peranan mantap untuk memastikan sektor komoditi pertanian boleh membantu menjamin kelangsungan hidup rakyat.

## Dikategori kepada empat pihak

Ketika ini banyak agensi terkait dengan komoditi pertanian dan mereka dikategorikan kepada empat pihak, iaitu agensi penyelidikan pertanian berperanan melaksanakan kajian meningkatkan mutu keluaran pertanian, agensi pengembangan pertanian berperanan menyebarkan pengetahuan dan teknologi, menawarkan khidmat nasihat teknikal dan motivasi serta galakan kepada petani dan pengusaha pertanian.

Ini termasuk kategori agensi pembangunan tanah dan kawasan yang berperanan membangunkan kawasan pertanian serta memastikan kesejahteraan hidup komuniti, institusi pengajian dan pendidikan pertanian yang berperanan mengeluarkan modal insan diperlukan dan melaksanakan kajian menghasilkan input dan output pertanian mencukupi lagi berkualiti.

Dalam hal ini, agensi pertanian komoditi perlu memainkan peranan penting seperti:

- Membangunkan kawasan luar bandar dengan meningkatkan akses logistik dan perhubungan melalui pembangunan kawasan pertanian.
- Meningkatkan mutu pengurusan dan pemasaran pertanian.
- Memastikan perubahan amalan dan sikap petani, pengusaha dan pemegang taruh menerusi penggunaan teknologi tinggi untuk kemajuan pertanian.
- Melonjakkan mutu pendidikan dan penyelidikan (R&D) berasaskan pertanian.
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan berasaskan pertanian secara langsung dan tidak langsung dengan menyediakan kemudahan modal sumber manusia serta modal perusahaan.
- Melaksanakan pertanian secara komersial de-

ngan menghubungkan komuniti kepada komoditi untuk kepentingan bersama bagi melonjakkan ekonomi atas sumbangan sektor komoditi pertanian.

- Meningkatkan tahap sara diri pengeluaran bahan makanan.
- Memastikan bekalan makanan mencukupi selain menawarkan bahan mentah pertanian kepada industri tambah nilai lain.

Justeru, agensi komoditi pertanian yang ada hari ini amat diperlukan negara dan komuniti untuk mengukuhkan keterjaminan makanan kerana peranannya penting dalam mengurus bahan mentah daripada pertanian, sebagai 'blok binaan' teras kepada ekonomi global. Tanpa akses kepada bahan mentah, pengeluar tidak boleh menghasilkan produk.

Agensi terbabit perlu mewujudkan rantai bekalan teguh, urusan import dan eksport produk pertanian perlu diurus dengan baik serta cekap. Ketidakecakapan boleh menimbulkan masalah hubungan perdagangan serta menjejaskan pasaran komoditi pertanian negara.

Dalam hal ini, agensi komoditi pertanian perlu menjadi penggalak kepada pembangunan ekonomi negara, memastikan industri pertanian memberi kesan kepada perdagangan global kerana ia terikat dengan sektor ekonomi lain, menyokong penciptaan pekerjaan serta merencanakan pertumbuhan ekonomi.

Hakikat paling penting, negara yang mempunyai sektor pertanian kukuh akan mengalami pertumbuhan guna tenaga dalam sektor lain. Ia juga menunjukkan pertumbuhan produktiviti pertanian dan infrastruktur pertanian teguh mempunyai pendapatan perkapita lebih tinggi kerana petani dan pengusaha menggunakan teknologi serta amalan pengurusan ladang yang baik untuk meningkatkan produktiviti serta keuntungan pertanian mereka.

Usaha berterusan daripada komuniti pertanian dan agensi komoditi akan dapat membantu menjamin kelangsungan komuniti atau rakyat sesebuah negara seperti Malaysia dari segi keterjaminan bekalan makanan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

